

Individu, waris si mati boleh kemukakan tuntutan kepada kerajaan

# RM10 bilion wang tak dituntut

**KUALA LUMPUR** - Sebanyak RM9.974 bilion Wang Tak Dituntut (WTD) telah diserahkan oleh pelbagai entiti kepada Jabatan Akauntan Negara sehingga 31 Oktober tahun ini, kata Menteri Kewangan, Lim Guan Eng (**gambar**).

Beliau berkata, daripada jumlah itu sebanyak RM1.875 bilion telah dibayar balik dan RM1.6 bilion telah dikreditkan dalam pindahan hasil kerana tidak dituntut dalam tempoh 15 tahun.

"Keadaan itu menjadikan jumlah semasa dalam akaun amanah WTD adalah sebanyak RM6.495 bilion," katanya semasa mengemukakan perbahasan peringkat jawatankuasa Belanjawan 2019 bagi Kementerian Kewangan pada persidangan Dewan Rakyat di sini semalam.

Katanya, individu yang ingin membuat tuntutan wang perlu mengemukakan beberapa dokumen ter-



masuk salinan kad pengenalan dan borang permohonan tuntutan.

Bagi individu yang telah meninggal dunia, permohonan boleh dibuat waris dengan mengemukakan surat tadbir harta pusaka.

Menjawab soalan Datuk Seri Shahidan Kassim (**BN-Arau**) sama ada terdapat pemberian notis mengenai WTD kepada individu, Guan Eng berkata, pihaknya di-

maklumkan ada notis diedarkan.

Bagaimanapun katanya, terdapat beberapa kekangan termasuk alamat yang didaftarkan di bawah Jabatan Pendaftaran Negara tidak sama dengan alamat terkini tempat tinggal mereka.

"Saya bagi pihak kementerian minta mereka (individu) yang ada akaun seperti ini (WTD) untuk buat tuntutan kerana sekiranya masih berpeluang buat demikian dengan mengemukakan dokumen sokongan," katanya.